

**KRITERIA PENCALONAN HADIAH BUKU INOVASI MTDC
(MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.)**

KATEGORI SAINS & TEKNOLOGI

1.0 NAMA

- 1.1 Hadiah ini dinamakan **Hadiah Buku Inovasi MTDC**, sumbangan daripada Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. bagi tesis terbaik berkaitan pembangunan inovasi dan teknologi, pra-pengkomersialan, pemindahan teknologi, perniagaan atau keusahawanan.

2.0 ANTARA SYARAT PENGURNIAAN

- 2.1 Graduan Sarjana (Penyelidikan) dan Doktor Falsafah bidang Sains dan Teknologi daripada setiap Fakulti/Institut yang berkaitan;
- 2.2 Warganegara Malaysia;
- 2.3 Berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa;
- 2.4 Memperoleh keputusan peperiksaan lisan berstatus samada Baik atau Cemerlang sahaja;
- 2.5 Melengkapkan pengajian dalam tempoh:
- Sarjana : tidak melebihi 6 Semester;
 - Doktor Falsafah : tidak melebihi 12 Semester;
- 2.6 Hasil penyelidikan telah melalui proses perlindungan harta intelek (termasuk permohonan);
- 2.7 Menghasilkan output penyelidikan seperti berikut:
- Penerbitan makalah dalam jurnal berimpak tinggi (ISI/Scopus) atau terindeks atau;
 - Prosiding terindeks atau;
 - Bab dalam buku atau;
 - Lain-lain kecemerlangan (memenangi anugerah penyelidikan);
- 2.8 Tesis yang dikemukakan adalah:
- Tidak semestinya bersifat teknikal;
 - Menghasilkan proses/kaedah/idea/dasar/produk yang berimpak tinggi dari segi pembangunan inovasi dan teknologi, pra-pengkomersialan, pemindahan teknologi, perniagaan atau keusahawanan ataupun kombinasi perkara-perkara ini;
- 2.9 Calon tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib Universiti dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan Akta Universiti dan salah laku penyelidikan.

3.0 BENTUK

- 3.1 Hadiah dalam bentuk wang tunai **RM1,000.00** (Ringgit: Satu Ribu Sahaja) dan hadiah buku bernilai **RM500.00** (Ringgit: Lima Ratus Sahaja).

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Fakulti/Institut akan mengemukakan pencalonan yang diperakukan;
- 4.2 Pencalonan akan dinilai oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh UKM dengan keahlian yang terdiri dari Pusat Siswazah, CESMED, PIK, wakil Fakulti/Institut yang dilantik serta wakil dari MTDC. Jawatankuasa bertanggungjawab membuat penilaian dan pemilihan calon yang akan dimajukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Universiti;
- 4.3 Senarai pemenang **Hadiah Buku Inovasi MTDC** akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia.